



Ruj. Kami : JPWPKL 600-3/4/11 (18)

Tarikh : 13 September 2021

**Pengetua/Guru Besar,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Tuan,

**HEBAHAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM CELIK KEWANGAN BSN 2021
SECARA DALAM TALIAN ANJURAN BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)**

Dengan sukacita perkara di atas dirujuk dan surat daripada **Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** bil. (60) KPM.600/12/1/4 Jld.23 bertarikh **02 September 2021** adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa **Bank Simpanan Nasional (BSN)** akan menganjurkan **Program Celik Kewangan BSN 2021 Secara Dalam Talian**. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada murid mengenai konsep asas pengurusan kewangan yang baik. Berikut merupakan program di bawah Celik Kewangan BSN 2021:

Bil	Program	Tarikh	Kaedah Pelaksanaan
1.	Penyertaan Klip Video Dan Kuiz Celik Kewangan BSN 2021		
2.	Pertandingan Klip Video Celik Kewangan BSN 2021 – Terbuka kepada yang mempunyai Akaun Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP), BSN <i>Smart Junior</i> (BSJ) dan Sijil Simpanan Premium (SSP)	15 Ogos 2021 hingga 31 Oktober 2021	Secara dalam talian

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan dimohon untuk menyebarkan maklumat berkaitan program ini kepada semua murid di bawah seliaan tuan. Pihak tuan boleh mengimbas kod QR atau klik pada pautan di Lampiran untuk maklumat lanjut berhubung program Celik Kewangan BSN 2021.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Eddie Affendi Mokhtar (BSN)** di talian **019-2430439** atau **Encik Mohamed Reza Aliasad, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** di talian **012-6594158**.

.2//

JPWPKL 600-3/4/11 (18)


5. Segala perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD NAJIB BIN AB. RAHMAN, KMW)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- s.k.
1. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu
 2. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Keramat
 3. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Sentul

mohamedreza/kelabkewanganpelajar/surat



ATAU

https://drive.google.com/file/d/12-ngTkRfBRQ-eW69E0i_sdgGzd9cMak/view?usp=sharing



(KLIK PAUTAN)

CATATAN: BAGI PENYERTAAN KUIZ CELIK KEWANGAN, SILA MUAT TURUN SIJIL SEBAIK IKON CETAK DIPAPARKAN ATAU TANGKAP LAYAR (SKIRNSHOT) SEBAGAI BUKTI. SISTEM TIDAK AKAN MENYIMPAN SIJIL PENYERTAAN MURID.